



1103/1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Dua Jam Lima Belas Minit

**MODUL SOALAN TOPIKAL CEMERLANG
AMANJAYA**

2018

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

SET 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Modul ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kebaikan mengadakan sambutan hari kemerdekaan negara.

Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan-kebaikan** mengadakan sambutan hari kemerdekaan negara. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEBAIKAN – KEBAIKAN SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN



Menyemai Semangat Patriotik



Menghargai Jasa Pemimpin



Memupuk Perpaduan Rakyat

Soalan:

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kebaikan mengadakan sambutan hari kemerdekaan negara.

*Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan-kebaikan mengadakan sambutan hari kemerdekaan negara**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

Tugasan soalan: Murid dapat menghuraikan kebaikan-kebaikan mengadakan sambutan hari kemerdekaan negara.

Cadangan jawapan:

1. Menyemai semangat patriotik
 - 1.1 pelbagai program atau aktiviti bertemakan patriotik
 - 1.2 mengibarkan bendera Malaysia di serata tempat.
 - 1.3 melibatkan seluruh rakyat Malaysia

2. Menghargai jasa pemimpin
 - 2.1 Televisyen menyiarkan dokumentari yang bertemakan semangat patriotik
 - 2.2 Generasi muda dapat mengenali pemimpin-pemimpin kemerdekaan
 - 2.3 Masyarakat dapat menghayati kesukaran usaha untuk mencapai kemerdekaan negara.

3. Memupuk perpaduan rakyat
 - 3.1 melibatkan berbilang kaum dan agama.
 - 3.2 saling bekerjasama dan berinteraksi untuk menjayakan sambutan
 - 3.3 membentuk kemesraan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Ungkapan Menarik:

1. Tak kenal maka tak cinta.
2. Bersatu teguh bercerai roboh.
3. Bagai aur dengan tebing

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penguasaan Bahasa Melayu di sekolah anda kurang memuaskan. Sebagai pengerusi Kelab Bahasa Melayu di sekolah anda diminta untuk membantu pihak sekolah meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu di sekolah anda.

2. Beriadah bersama-sama keluarga mendatangkan pelbagai manfaat.
.Berikan pendapat anda.
3. Pembuangan sampah yang tidak teratur menjejaskan kualiti alam sekitar dan mendatangkan pelbagai penyakit .
Bincangkan.
4. Belakangan ini telah berlaku peperangan di beberapa buah negara di dunia.
Jelaskan langkah-langkah untuk mengelakkan peperangan.
5. Anda telah menonton sebuah drama televisyen yang diadaptasi daripada sebuah novel.
Berdasarkan drama tersebut, jelaskan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

KERTAS SOALAN TAMAT

Panduan Jawapan :

1. Penguasaan Bahasa Melayu di sekolah anda kurang memuaskan. Sebagai pengerusi Kelab Bahasa Melayu di sekolah, anda diminta untuk membantu pihak sekolah meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu di sekolah anda.

a) **Tugasan :**

Murid dapat menghuraikan langkah-langkah yang perlu dilakukannya bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu di sekolahnya.

b) **Format :** Tiada

c) **Cadangan jawapan**

1. menganjurkan pertandingan (pidato, forum dll)

1.1 memerlukan murid mencari dan membaca bahan dalam bahasa Melayu untuk menyiapkan teks

1.2 membolehkan murid melafazkan sebutan bahasa Melayu dengan betul

1.3 menyediakan medium untuk murid mendengar sebutan bahasa Melayu yang betul oleh peserta lain

2. memaparkan maklumat berkaitan Bahasa Melayu di sekitar kawasan sekolah

2.1 membolehkan murid mendapat informasi tambahan tentang bahasa Melayu

2.2 membiasakan murid dengan kemahiran bahasa Melayu

2.3 menambah kosa kata murid

3. menghubungi pihak DBP untuk menganjurkan bengkel berkaitan bahasa

3.1 menarik minat murid untuk menguasai bahasa Melayu

3.2 memberi pendedahan kepada murid tentang keistimewaan bahasa Melayu

4. membantu pihak sekolah menjayakan aktiviti Bulan Bahasa

4.1 mengajak rakan-rakan menyertai pelbagai pertandingan/ aktiviti sempena Bulan Bahasa

4.2 memberi sepenuh komitmen untuk menjayakan aktiviti sepanjang Bulan Bahasa

4.3 memberi sumbangan idea untuk menjalan aktiviti yang menarik sepanjang Bulan Bahasa

2. Beriadah bersama-sama keluarga mendatangkan pelbagai manfaat.

Berikan pendapat anda.

Cadangan jawapan

1. merapatkan hubungan kekeluargaan

2. menyihatkan tubuh

3. memastikan ahli keluarga memanfaatkan masa lapang dengan berfaedah

4. menghilangkan tekanan bekerja/ belajar

5. berkongsi cerita

Ungkapan menarik

1. masa itu emas
2. badan cergas otak cerdas
3. Pembuangan sampah yang tidak teratur menjejaskan kualiti alam sekitar dan mendatangkan pelbagai penyakit .
Bincangkan.

Cadangan jawapan

1. Pencemaran kawasan persekitaran
2. pencemaran udara
3. Pencemaran sungai
4. menjadi tempat pembiakan haiwan seperti lipas, lalat dan nyamuk
5. menarik perhatian binatang seperti tikus dan anjing
4. Belakangan ini telah berlaku peperangan di beberapa buah negara di dunia.
Jelaskan langkah-langkah untuk mengelakkan peperangan.

Cadangan jawapan

1. mewujudkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain
2. bekerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa
3. menghormati kedaulatan negara lain
4. menyelesaikan sebarang pertelingkahan melalui rundingan
5. mengamalkan prinsip keamanan antarabangsa
6. mengamalkan sikap terbaik-baik dengan negara lain

Frasa menarik

1. Bagai aur dengan tebing
2. Bagai menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak
3. Sediakan payung sebelum hujan

5. Anda telah menonton sebuah drama televisyen yang diadaptasi daripada sebuah novel.

Berdasarkan drama tersebut, jelaskan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

Cadangan Jawapan:

Nyatakan nama drama

1. Drama berdasarkan drama yang disiarkan dalam televisyen.
2. Drama tersebut diadaptasi daripada sebuah novel

Contohnya :

2.1 Drama Mr. Grey

- 2.2 Drama Suri Hati Mr. Pilot
- 2.3 Drama 1 Love You Mr. Arrogant
- 3. Pengajaran dalam drama tersebut boleh dijadikan panduan dalam kehidupan remaja.
Contohnya:
 - 3.1 kasih sayang memaparkan pengajaran kita hendaklah menyayangi ahli keluarga .
 - 3.2 berbudi bahasa
 - 3.3 setiakawan
 - 3.4 tanggungjawab
- 4. Pengajaran-pengajaran yang berunsur positif dan mempunyai nilai kemasyarakatan.
- 5. Huraian berdasarkan drama yang ditonton dan bukannya kupasan novel.